

Tunas

Pembentuk Generasi Berkoperasi

GAGASAN



EDISI 02/2025

AKSI'25
Lahir Generasi
Usahawan Muda

"Exclusive Cat Litter"
Mesra Alam

BUN-TASTE-TIC:
Sinergi Aliran Perdana
dan PPKI

Iman Berjiwa
Besar dari
Koperasi MRSM
Mersing Berhad



DARI MEJA PENGARANG



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Berkoperasi

Salam hormat dan penuh inspirasi buat pembaca budiman!

Selamat datang ke **Edisi Kedua Majalah Tunas Gagasan 2025**, naskah yang terus membawa denyut nadi dunia koperasi sekolah ke halaman anda.

Majalah ini diterbitkan sebagai platform perkongsian ilmu, pengalaman dan inspirasi daripada pelbagai lapisan warga koperasi sekolah di seluruh negara. Di setiap helaian, terserlah semangat dan kreativiti pelajar yang menjadi tunas kepada kepimpinan masa depan, hasil bimbingan guru penasihat dan sokongan padu daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Edisi kali ini menampilkan pelbagai kisah menarik, amalan terbaik serta inisiatif baharu yang mencerminkan keutuhan gerakan koperasi sekolah. Semoga kandungan yang disajikan dapat menyuntik semangat baharu kepada warga sekolah untuk terus berdaya cipta, berinovasi dan memperkasa potensi keusahawanan pelajar.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang menayakan penerbitan ini. Sokongan anda semua menjadi nadi kepada kesinambungan *Tunas Gagasan* sebagai medium yang menyebarkan inspirasi dan ilmu koperasi kepada generasi muda.

Teruskan membaca, teruskan berinspirasi.

Salam hormat dan selamat membaca!

Yang Ikhlas,

Nor Azam Bin Md Salleh

Ketua Editor
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pembentuk Generasi Berkoperasi
Tunas
GAGASAN

MAJALAH TUNAS GAGASAN
EDISI 02/2025

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SKM
Noor Afifah binti Abdul Razak

KETUA EDITOR
Nor Azam bin Md Salleh
Bahagian Promosi dan Penggalakan Koperasi

EDITOR
Noor Azura binti Maslan
Zul Yamin bin Mohamad Radzi
Arif Asyraf bin Mohammed Khalim

Mohamad Safuan bin Roslee
Sairul Nurul Huda Idayu binti Saifudin
Mohd Affandy bin Amir
Norhaslinda binti Mohd Isa

EDARAN DAN PENERBITAN
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan,
Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Kandungan

EDISI 02/2025

4 | PERUTUSAN

"Menyemai Keusahawanan, Mencorak Pemimpin Masa Depan"

5-7 | RENCANA UTAMA

AKSI'25 Lahir Generasi Usahawan Muda



8 | INOVASI

"Exclusive Cat Litter" Mesra Alam



10-11 |

Brain Balm Koperasi SMK Riam Miri Berhad



12-13 | INSPIRASI

BUN-TASTE-TIC: Sinergi Aliran Perdana dan PPKI



14-15

Iman Berjiwa Besar dari Koperasi MRSM Mersing Berhad





“Menyemai Keusahawanan, Mencorak Pemimpin Masa Depan”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Berkoperasi.

Syukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita sekali lagi dipertemukan dalam penerbitan Majalah Tunas Gagasan Edisi Kedua 2025. Naskhah ini adalah wadah perkongsian pengalaman, kejayaan dan inspirasi dunia koperasi sekolah, kesinambungan kepada usaha berterusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam mengangkat martabat koperasi sekolah sebagai wahana pembangunan modal insan dan keusahawanan generasi muda.

Edisi kali ini memberikan tumpuan istimewa kepada Program Asas Keusahawanan Koperasi 2025 (AKSI'25) Peringkat Kebangsaan yang berjaya dilaksanakan pada 24 hingga 26 Oktober 2025 bertempat di Hotel Dorsett Putrajaya. Program ini menghimpunkan 14 buah kumpulan pelajar dari seluruh negara yang mewakili koperasi sekolah peringkat negeri, suatu pencapaian yang membanggakan dan bukti nyata bahawa koperasi sekolah semakin mengorak langkah sebagai medan latihan keusahawanan yang unggul.

AKSI'25 bukan sekadar sebuah pertandingan. Ia adalah platform pembangunan yang menyatukan ilmu, bakat dan semangat juang pelajar dalam merangka dan melaksanakan projek perniagaan yang berimpak. Melalui bimbingan guru penasihat dan kolaborasi sepasukan, peserta berpeluang meneroka bidang pengurusan, pemasaran, inovasi produk serta daya kepimpinan, semuanya dalam suasana yang menyerlahkan nilai murni koperasi seperti kerjasama, akauntabiliti dan kebertanggungjawaban.

Antara sorotan utama dalam edisi ini ialah pengiktirafan kepada:

- Johan Anugerah Projek Terbaik: Koperasi Sekolah Menengah Agama Al Madrasah Al Alawiyah Ad Diniah Perlis Berhad dengan projek “Exclusive Cat Litter” (ECL) penyelesaian penjagaan kucing domestik yang mesra alam sekitar;
- Naib Johan Anugerah Projek Terbaik: Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Riam Miri Berhad dengan projek “Brain Balm”;
- Tempat Ketiga Anugerah Projek Terbaik: Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad Seremban Berhad dengan projek “Bun-Taste-it” yang melibatkan penyertaan daripada kalangan Murid-murid Berkeperluan Khas (MBK) di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) sekolah; dan
- Penampilan Khas, Anugerah Pengurus Projek Terbaik, adik Muhammad Iman Mahya dari Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Mersing Berhad.

Kejayaan yang diraih oleh peserta ini harus dijadikan pencetus inspirasi kepada koperasi sekolah lain untuk terus melakar kecemerlangan. Walaupun hanya beberapa projek dapat diketengahkan secara khusus, SKM tetap mengiktiraf setiap penyertaan sebagai aset penting dalam pembangunan ekosistem koperasi negara.

Potensi yang besar dapat dilihat melalui pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar, yang bukan sahaja melahirkan idea baharu tetapi juga projek yang menarik dan berpotensi untuk dikomersialkan. Bagi mengembangkan potensi ini, sinergi antara koperasi sekolah dan koperasi besar amat digalakkan agar lahir jaringan sokongan yang mampu membawa produk pelajar ke pasaran sebenar. Dalam masa yang sama, perlu ada pihak yang menyambut dan memimpin langkah selanjutnya supaya usaha pelajar tidak terhenti di peringkat pertandingan semata-mata, tetapi dapat diteruskan kepada pembangunan perniagaan sebenar.

Sesungguhnya, koperasi sekolah adalah institusi yang ampuh dalam membina daya tahan ekonomi dan sosial pelajar. Melalui program seperti AKSI'25, kita menyemai semangat keusahawanan sejak di bangku sekolah, satu pelaburan jangka panjang yang akan melahirkan usahawan beretika, berilmu dan berdaya saing pada masa hadapan.

SKM akan terus komited untuk memperluas program pembangunan koperasi sekolah melalui latihan, pementoran dan insentif strategik. Kami percaya koperasi sekolah bukan sahaja dapat menjana pendapatan, malah mampu membentuk pemikiran kreatif dan sahsiah terpuji dalam kalangan pelajar.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang menjayakan AKSI'25 termasuk pelajar, guru penasihat, anggota koperasi sekolah serta juri-juri dan panel profesional yang telah menyumbang tenaga dan kepakaran. Semoga usaha ini akan terus menjadi pencetus perubahan ke arah koperasi sekolah yang lebih progresif, dinamik dan lestari.

**“Koperasi Sekolah:
Menyemai Keusahawanan,
Mencorak Pemimpin Masa
Depan”**

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

Siti Azlin Ahmad Danta

**Naib Ketua Pegawai Eksekutif
(Dasar dan Pembangunan)
Suruhanjaya Koperasi Malaysia**





AKSI'25

Lahir Generasi Usahawan Muda

Oleh: Noor Azura Binti Maslan

DARI Perlis hingga ke Sabah, semangat keusahawanan pelajar sekolah menengah bergema melalui Program Asas Keusahawanan Koperasi 2025 (AKSI'25), anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Program ini adalah inisiatif strategik SKM dalam memperkasa pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah menengah. Menerusi platform koperasi sekolah, AKSI'25 menjadi wadah utama

untuk mencungkil bakat pelajar dalam bidang keusahawanan sambil menerapkan nilai-nilai murni koperasi.

AKSI'25 bukan sekadar pertandingan tetapi sebagai platform pembelajaran sebenar yang membolehkan pelajar mengasah potensi, meneroka dunia perniagaan sebenar serta mengembangkan kemahiran keusahawanan secara praktikal dan kompetitif.

Objektif Program AKSI'25

Menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar menerusi koperasi sekolah.

1

Meningkatkan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, kerja berpasukan dan komunikasi.

2

Meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pengurusan koperasi termasuk kewangan, pemasaran dan inovasi produk.

3

Menggalakkan penciptaan produk atau perkhidmatan baharu yang berpotensi untuk dikomersialkan.

4

Membentuk pelapis usahawan koperasi masa hadapan yang beretika, berintegriti dan mapan.

5

RENCANA UTAMA

Program AKSI'25 tidak mungkin mencapai kejayaan tanpa sokongan padu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA). SKM amat menghargai komitmen, kepercayaan dan kerjasama erat kedua-dua agensi ini yang membolehkan program berkenaan dapat dilaksanakan di sekolah seluruh negara.

Usaha bersama ini telah membuka peluang luas kepada pelajar dan guru untuk menerokai dunia keusahawanan melalui koperasi sekolah — satu langkah penting ke arah melahirkan generasi usahawan muda yang berintegriti dan berpotensi tinggi.


Program ini dimulakan dengan pelaksanaan peringkat negeri, yang berlangsung dari Ogos hingga Oktober 2025 di 14 buah negeri seluruh Malaysia. Setiap negeri telah menganjurkan sesi penjurian dan pemilihan Johan Projek

Terbaik, yang melibatkan pembentangan projek koperasi oleh pelajar secara langsung di hadapan juri profesional.

Secara keseluruhannya, program ini telah menarik penyertaan 140 sekolah dengan penglibatan 560 pelajar dari seluruh negara — mencerminkan minat dan potensi tinggi generasi muda dalam bidang keusahawanan koperasi. Majlis penutup di setiap lokasi penganjuran telah disempurnakan perasmianya oleh pelbagai pemimpin daripada agensi kerajaan negeri, pengurusan pendidikan serta wakil SKM.

Kemuncak program AKSI'25 ini diteruskan di peringkat kebangsaan, yang telah berlangsung dengan jayanya pada 24 hingga 26 Oktober 2025 bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya. Empat belas buah koperasi iaitu Johan, Anugerah Projek terbaik peringkat negeri bersaing dalam sesi pembentangan akhir projek masing-masing dan sesi VIVA

Senarai Johan Anugerah Projek Terbaik Peringkat Negeri AKSI'25:



di hadapan panel juri profesional, bagi menilai kefahaman serta keupayaan peserta mengurus dan mempertahankan projek masing-masing.

AKSI'25 peringkat kebangsaan melangkaui konsep pertandingan biasa; ia adalah gelanggang yang menggabungkan ilmu, bakat serta semangat juang pelajar dalam menjayakan projek keusahawanan yang autentik. Dengan bimbingan guru penasihat dan kerjasama sepasukan, peserta mempersembahkan idea-idea yang menggabungkan inovasi produk, strategi pemasaran dan kemahiran pengurusan dalam suasana yang menggalakkan nilai koperasi.

Penjurian bagi pemilihan projek terbaik AKSI'25 ini adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria utama iaitu Rancangan Perniagaan (15 markah), Proses Pengeluaran atau Perkhidmatan (20 markah), Pemasaran dan Jualan (40 markah), Pengurusan Kewangan (20 markah) serta Faktor Nilai Tambah (5 markah). Setiap kriteria dinilai secara holistik untuk mengenal pasti projek yang bukan sahaja berdaya saing dari segi produk atau perkhidmatan, malah menunjukkan kekuatan dalam aspek inovasi, strategi pemasaran, pengurusan operasi dan kewangan.

Pemenang Anugerah Projek Terbaik Peringkat Kebangsaan

- 

Johan
Koperasi Sekolah Menengah Agama Al Madrasah Al Alawiyah Ad Diniah Perlis Berhad (Perlis).
Projek: *Exclusive Cat Litter (ECL)*
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM10,000
- 

Naib Johan
Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Riam Miri Berhad (Sarawak).
Projek: *Brain Balm (BB)*
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM7,000
- 

Tempat Ketiga
Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad Seremban Berhad (Negeri Sembilan).
Projek: *BUN-TASTE-TIC: Surprise!*
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM5,000
- 

Tempat Keempat
Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Mersing Berhad (Johor)
Projek: *Mekargro Amino Foliar*
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM3,000
- 

Tempat Kelima
Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Kencana Berhad (Sabah).
Projek: *Aiskrim Buko Pandan*
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM1,000



Selain anugerah utama, penjurian bagi anugerah khas turut diadakan bagi menghargai sumbangan dan keunggulan dalam pelbagai aspek program iaitu:

- **Anugerah Reruai Terbaik**
Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Kencana Berhad
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM1,000
- **Anugerah Pengurus Terbaik**
Muhammad Iman Mahya – Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Mersing Berhad
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM1,000
- **Anugerah Guru Pembimbing Terbaik**
Willie Lee Bui Wei – Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Riam Miri Berhad
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM1,000
- **Anugerah Persembahan Terbaik**
Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad Seremban Berhad
Hadiah: Trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM1,000

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada barisan juri profesional daripada Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) dan SME Corporation Malaysia atas komitmen, kepakaran serta dedikasi yang diberikan sepanjang proses penjurian AKSI'25.

Keterlibatan mereka bukan sahaja memastikan penilaian dijalankan secara telus, adil dan berintegriti, malah memperkayakan pengalaman peserta melalui maklum balas dan bimbingan yang berasaskan pengalaman industri sebenar. Sumbangan berharga ini telah memperkukuh kualiti keseluruhan pertandingan dan menjadikan AKSI'25 sebuah platform pembelajaran yang berimpak tinggi, mendidik serta menginspirasi generasi usahawan muda koperasi.

Program AKSI'25 telah berjaya membuka ruang lebih luas kepada pelajar untuk mendalami dunia keusahawanan melalui koperasi. Ia membuktikan bahawa koperasi sekolah bukan sekadar entiti pentadbiran murid tetapi menjadi wadah pembangunan modal insan yang berinovatif, berdaya saing dan bertanggungjawab. Dengan penglibatan aktif pelajar, guru dan komuniti pendidikan, AKSI'25 telah meninggalkan impak yang mendalam dan membuka jalan ke arah pembentukan generasi usahawan muda yang lebih berdaya tahan dan profesional. **TG**



“Exclusive Cat Litter” Mesra Alam

Oleh: Fira Karl

MENYEDARI permintaan terhadap penggunaan pasir pakai buang untuk kegunaan kucing yang semakin meningkat serta penawaran produk berkenaan yang mengandungi bahan kimia berbahaya mampu menyebabkan pembaziran sumber dan menyumbang kepada pencemaran alam sekitar, Koperasi Sekolah Menengah Agama (SMA) Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad-Diniah Perlis Berhad berpendapat perlu mengimbangi keadaan tersebut.

Bertitik tolak daripada keazaman itu, koperasi melancarkan satu inovasi dalam penghasilan pasir pakai buang kucing dengan menggunakan bahan-bahan semula jadi seperti tempurung kelapa, sabut kelapa, tepung jagung dan soda bikarbonat.

Bahan-bahan ini kaya dengan sifat menyerap bau serta kelembapan, sesuai untuk digunakan ke atas hasil daripada sisa perkumuhan kucing. Selain itu, bahan berkenaan juga tidak menjadikan pasir kucing berhabuk yang boleh menyebabkan alahan kepada pemilik kucing.



Dari kiri Cikgu Nurul Hafiza, Nur Aisyah Zahidah, Amni Batrisyia, Iman Arissa dan Fatimah.



Sentiasa ceria dan bersemangat sebelum persembahan kunci kejayaan Koperasi SMA Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad-Diniah Perlis Berhad pada AKSI'25.

Hasil daripada inovasi ini telah menobatkan koperasi sebagai juara johan dalam Pertandingan Asas Keusahawanan Koperasi 2025 Peringkat Kebangsaan (AKSI'25) yang diadakan pada 24 hingga 26 Oktober 2025 di Hotel Dorsett, Putrajaya.

Kaedah Pemasaran berkesan dan terancang

Koperasi memasarkan produk dengan menggunakan beg ziplock tahan lasak berkapasiti 1.5 liter pada harga RM6.90. Dengan kadar harga tersebut, mereka menyasarkan potensi pengguna adalah dalam kalangan pencinta haiwan dan mereka yang mencari produk pasir kucing yang mesra alam sekitar.

Bagi yang berhasrat mendapatkan produk berkenaan, ianya boleh didapati secara atas talian seperti di *TikTok* dan *JAM Mall*. Selain itu, koperasi turut mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Syarikat Jooara Pro Holding Sdn. Bhd. bagi mendapatkan akses pasaran yang lebih luas. **TG**

NASI' DAGANG Terengganu



Hidangan
Untuk

1
orang



Sedia dihidang
dalam masa 2 minit

simpan pada suhu bilik



*untuk tujuan ilustrasi sahaja

250g

RAMUAN

RAMUAN BERAS

Beras, santan, Beras Pulut, Bawang Merah, Halia, Halba, Gula Melaka & Garam Laut

RAMUAN GULAI IKAN

Ikan, Bawang Merah, Pes Cili, Santan Kelapa, Gula Melaka, Minyak masak, Rempah, Garam Laut, Halia, Lengkuas & Cili

Fakta Pemakanan

Hidangan Setiap 100g

Tenaga (kcal)	175.32
Karbohidrat (g)	23.22
Protein (g)	6.75
Lemak (g)	6.16

CARA MEMASAK:

① Buka bungkusan nasi dan gulai ikan.

② Rendam bungkusan yang belum dibuka ke dalam air panas selama 5 minit & sedia untuk dihidangkan.



ATAU

Masukkan bungkusan ke dalam bekas atau pinggan makanan.



Panaskan dalam microwave selama 1 minit dan sedia untuk dihidangkan.

GUNAKAN SEGERA SETELAH DIBUKA. JIKA TIDAK, SIMPAN DI DALAM PETI SEJUK JANGAN GUNA JIKA BUNGKUS KEMBUNG / KOYAK

Dikeluarkan Oleh:

INFORANA HOLDINGS SDN.BHD (200301019177)
LOT PT 31623 LAMAN BAYU TOK JEMBAL,
21300 KUALA NERUS, TERENGGANU DARUL IMAN.
TEL: +6096651828 / +60116484923 FAX: +6096674050
EMAIL: qlamburkitchen@gmail.com

Diedarkan Oleh:

KOPERASI KAKITANGAN UTM BERHAD (4425)
B-13 WORLDWIDE@7, JLN. LAZUARDI 7/29, SEKSYEN 7
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: +60355195912 FAX: +60355190540
EMAIL: info@uitmkoop.com.my



9 555422 269524



Brain Balm Koperasi SMK RIAM MIRI Berhad

Oleh: Noor Azura Binti Maslan

KREATIVITI dan inovasi sering lahir daripada keperluan harian. Begitulah kisah kejayaan Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan Riam Miri Berhad, yang berjaya mencipta produk unik iaitu *Brain Balm* (BB). Produk ini bukan sekadar balsem aromaterapi tetapi simbol semangat keusahawanan dan nilai koperasi yang dipupuk di kalangan warga sekolah.

Idea tercetus apabila ramai pelajar menggunakan minyak angin dan menampal koyok di dahi untuk kekal fokus dalam kelas, terutamanya ketika cuaca panas. Melihat keadaan itu, empat pelajar — Lyana Camelia Anak Sirai, Florence Uring Apui, Nur Qiesha Hasmady dan Nur Qasrina Qarmila Nik Hazim — tampil dengan idea menghasilkan

balsem tempatan yang memberikan sensasi segar dan aroma menenangkan.

"Kami mahu hasilkan sesuatu yang ringkas tetapi bermanfaat, yang boleh bantu pelajar terus segar dalam kelas," kata salah seorang ahli Kumpulan BB.

Daripada idea itu, lahirlah *Brain Balm* – balsem berasaskan bahan semula jadi seperti *shea butter*, *refined coconut oil*, *beeswax*, *menthol crystal* dan *essential oil*. Ia diformulasi untuk membantu pengguna kekal fokus dan segar, dengan empat varian bau menarik iaitu *Peppermint*, *Lemon*, *Strawberry Mint*, dan *Cherry Mint*.

Dari makmal ke pasaran

Bermodalkan RM2,500 daripada koperasi, pelajar menghasilkan produk sepenuhnya di makmal sains sekolah, bukan di kilang seperti disangka ramai. Projek BB mengambil masa kira-kira tiga minggu untuk disiapkan, melibatkan perancangan, ujian formula dan reka bentuk pembungkusan.

Kumpulan BB turut memperkenalkan inovasi reka bentuk "*keychain balm*" – pembungkus kecil yang boleh digantung di beg, menjadikannya mudah dibawa ke mana-mana. Reka bentuk ini mendapat sambutan baik kerana praktikal dan lebih bergaya.



Dari kiri Nur Qiesha binti Hasmady, Florence Uring Apui, Lyana Camelia Anak Sirai dan Nur Qasrina Qarmila binti Nik Hazim.





Impak dan kejayaan

Kejayaan *Brain Balm* bukan sekadar dari segi keuntungan tetapi juga memberi impak besar dalam pembelajaran dan pembangunan diri pelajar. Mereka belajar tentang pengurusan perniagaan sebenar – daripada penyelidikan produk, strategi pemasaran hingga pengurusan kewangan.

Kejayaan berkenaan melonjak apabila Koperasi SMK Riam Miri Berhad memenangi tempat kedua dalam pertandingan AKSI'25 dan memperoleh trofi, sijil pencapaian dan wang tunai RM7,000.

Nilai koperasi dan masa depan

Bagi Cikgu Willie Lee Bui Wei, guru pembimbing kumpulan BB ini, kejayaan pelajar amat bermakna. Beliau juga dinobatkan sebagai **Guru Pembimbing Terbaik** dan mengakui bahawa pengalaman membimbing kumpulan BB adalah antara yang paling membanggakan.

Menurutnya, antara cabaran terbesar ialah membantu pelajar keluar daripada 'zon selesa' semasa berinteraksi dengan pelanggan serta meyakinkan mereka untuk lebih berani memperkenalkan produk kepada umum.

Selepas kejayaan ini, koperasi berhasrat memperluaskan pasaran BB ke luar sekolah serta memperkukuh strategi pemasaran digital. Koperasi juga ingin menjenamakan produk ini secara rasmi dan meneroka kolaborasi bersama pengilang tempatan. **TG**



Cikgu Willie Lee Bui Wei telah dinobatkan sebagai Guru Pembimbing Terbaik dalam pertandingan AKSI'25.





BUN-TASTE-TIC: Sinergi Aliran Perdana dan PPKI

Oleh: Farysa Fira

PEMBANGUNAN produk BUN-TASTE-TIC ini dilaksanakan melalui penyertaan murid secara inklusif, merangkumi kolaborasi antara murid Aliran Perdana dan Murid Berkeperluan Khas (MBK) di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh hubungan antara kedua-dua aliran, malah memberi peluang kepada semua murid untuk meneroka kemahiran baharu secara bersama.

Mereka terlibat sepanjang aktiviti penghasilan produk iaitu pembuatan, pembungkusan dan pemasaran. Mereka diberikan latihan dengan kemahiran sebenar dalam bidang bakeri seperti menguli, membentuk roti dan membungkus produk.

Latihan ini bertujuan untuk membantu mereka membina keyakinan diri serta kemahiran usahawan. Sekaligus, memberikan mereka peluang dalam memperoleh kemahiran spesifik serta tidak tercicir daripada arus perdana pendidikan yang sesuai dengan keupayaan mereka.



Cikgu Nordiana binti Ishak, Guru Pembimbing yang bertanggungjawab memastikan produk BUN-TASTE-TIC dijual mengikut kemampuan pasaran sekolah.



Pasukan Koperasi SMK Dato' Sheikh Ahmad Seremban Berhad bergambar sebelum membuat persembahan.



Sesi pembentangan VIVA. Dari kiri Cikgu Nordiana Ishak, Ainul Fahimah, Nur Insyirah, Amirul Irfan dan Hafzhan Isa.

Bermula secara sederhana

Dengan berbekalkan modal RM1,000 koperasi ini mampu menghasilkan sekitar 1,000 buku roti untuk dijual kepada warga sekolah dengan menggunakan jenama BUN-TASTE-TIC.

Dengan keupayaan kapasiti tersebut, BUN-TASTE-TIC berupaya menghasilkan pelbagai variasi roti-roti segar yang terdiri daripada roti pizza-mania, roti kelapa pandan, roti mentega manis berinti dan roti kacang merah demi memenuhi citarasa pelanggan.



INFO

- BUN-TASTE-TIC dihasilkan segar setiap hari.
- Guna bahan berkualiti.

Meskipun produk ini dihasilkan oleh pelajar sekolah, segala perancangan dalam memastikan jualan roti ini dapat berlangsung dengan baik telah dilakukan dengan teliti agar penggunaan sumber dapat digunakan secara optimum.

Di sinilah, peranan guru pembimbing yang sangat berdedikasi amat diperlukan bagi memandu kejayaan BUN-TASTE-TIC. Antara perkara yang paling sensitif yang perlu dipertimbangkan adalah strategi dalam menentukan harga jualan ini kerana kuasa membeli pelanggan di sekolah adalah terhad.

Hasil perancangan tersebut, koperasi berjaya memperoleh jualan sekitar RM15,000 setahun daripada jualan roti dengan modal yang terhad. Malah produk ini berjaya menempatkan Koperasi SMK Dato' Sheikh Ahmad Berhad di tempat ketiga dalam pertandingan Asas Keusahawanan Koperasi Program Asas Keusahawanan Koperasi 2025 (AKSI'25) Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 24 hingga 26 Oktober 2025 di Hotel Dorsett, Putrajaya. **TG**



Iman Berjiwa Besar dari Koperasi MRSM Mersing Berhad

Oleh: Sairul Nurul Huda Idayu Binti Saifudin

KEPIMPINAN bukan sekadar jawatan tetapi amanah untuk memberi impak positif kepada orang lain. Itulah falsafah yang dipegang teguh oleh Muhammad Iman Mahya, pelajar Tingkatan 4 MRSM Mersing, Johor yang dinobatkan sebagai Anugerah Pengurus Terbaik AKSI'25.

Pada usia 16 tahun, Iman membuktikan bahawa semangat, disiplin dan wawasan yang jelas mampu melahirkan seorang pemimpin koperasi yang hebat, sekalipun masih di bangku sekolah.

Sebagai Pengurus Koperasi MRSM Mersing Berhad Lembaga Koperasi (ALK) Iman bertanggungjawab menyelaras pelbagai urusan koperasi, termasuk pengurusan kewangan, perancangan projek keusahawanan pelajar serta

memastikan komunikasi yang lancar antara ahli koperasi dan pihak pentadbiran sekolah.

Bagi Iman, koperasi bukan sekadar platform menjual barangan keperluan tetapi sebuah medan latihan membentuk jati diri kepimpinan dan semangat keusahawanan di kalangan pelajar.

Minatnya terhadap koperasi mula berputik sejak tingkatan 3, apabila menyedari bahawa koperasi memberi peluang kepada pelajar untuk memahami dunia perniagaan sebenar.

"Saya mahu menerapkan nilai keusahawanan yang praktikal, bukan hanya teori," katanya.

Aktiviti kegemarannya pula ialah menyertai program pembangunan produk seperti Program AKSI dan bengkel keusahawanan.

Menurut Iman, inovasi berasaskan penyelesaian masalah sebenar dapat melahirkan usahawan berjiwa rakyat. Secara tidak langsung, keterlibatan beliau dalam Program AKSI ini dapat menerapkan sifat yakin dan percaya pada diri sendiri.





Antara pengalaman paling bermakna buat Iman ialah ketika mewakili Team Mekargro Amino Foliar — pasukan projek inovatif Koperasi MRSM Mersing Berhad yang berjaya ke peringkat kebangsaan. Projek mereka iaitu Baja Mekargro Amino Foliar, adalah baja cecair 'pintar' berasaskan sisa ikan yang diintegrasikan dengan teknologi "Internet on Things" (IoT) dan biofilem SAR.

Dengan *tagline* 'tanah dirawat, hasil meningkat, bumi selamat'. Projek ini bukan sahaja memanfaatkan bahan buangan tetapi turut membantu petani kecil meningkatkan hasil tanaman secara mapan dan mesra alam.

Namun, perjalanan ke puncak tidak mudah. Iman dan pasukannya berdepan cabaran besar untuk mempelajari sistem IoT dalam masa singkat.

"Ia amat mencabar tetapi peluang untuk kami mempelajari teknologi Revolusi Industri 4.0 secara langsung," katanya.

Dengan kerjasama erat antara pelajar, guru pembimbing dan staf koperasi, mereka berjaya menyiapkan reaktor Mekargro iaitu komponen utama dalam proses pembuatan baja tersebut.

Sebagai pemimpin, Iman mengamalkan pendekatan 'kepemimpinan melalui teladan'. Beliau memastikan dirinya hadir awal ke sesi latihan, memberi semangat kepada pasukan dan tidak lokek dengan pujian.

"Saya percaya semangat positif bermula daripada pemimpin sendiri," katanya sambil memetik kata-kata inspirasi Hellen Keller, "Alone we can do so little; together we can do so much".

Sepanjang penglibatannya dalam AKSI, Iman menganggap peluang mewakili MRSM Mersing ke peringkat kebangsaan sebagai suatu penghormatan besar. Selain memperluas rangkaian sosial dan pengetahuan, beliau turut berpeluang berinteraksi dengan ramai individu hebat dalam bidang keusahawanan dan koperasi.



"Saya berterima kasih kepada SKM, semua juri dan peserta lain kerana menjadikan program ini satu pengalaman yang luar biasa," ujarinya.

Bagi Iman, seorang pengurus koperasi yang baik perlu berintegriti, berfikiran terbuka, inovatif serta mampu mendengar dengan empati.

Beliau menjadikan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary sebagai tokoh inspirasi, seorang usahawan berjaya yang tetap merendah diri dan banyak memberi kembali kepada masyarakat.

Selanjutnya, Iman menitipkan pesanan kepada bakal pengurus koperasi:

"Jadilah pemimpin yang membawa impak positif kepada semua. Raikan kemenangan kecil kerana setiap langkah kecil itulah yang membina kejayaan besar. Jadikan koperasi medan membina usahawan yang berjiwa rakyat dan mampu memberi semula kepada masyarakat".

Akhir kata, "dari AKSI lahir generasi gemilang, bersatu hati menjulang kejayaan, pengurus terbaik bintang cemerlang, menyinari jalan di masa hadapan." **TG**



PODCAST "OH GITU!"

MENYINGKAP DUNIA KOPERASI SECARA SANTAI & BERMAKNA!

Terbitan rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), podcast ini membawa anda menyelami isu-isu semasa, inspirasi kejayaan koperasi, dan wawancara eksklusif bersama tokoh industri.

EPISOD 1



TAJUK: ISU HARTANAH GERAKAN KOPERASI

TETAMU JEMPATAN:
ENCIK AIZAC ISMAIL
(PENGURUSI KOPERASI ANNADI BERHAD)

EPISOD 2



TAJUK: SKANDAL, SIAPA MAKAN DUIT KOPERASI?

TETAMU JEMPATAN:
ENCIK MUHAMMAD RIDZWAN BIN MOHD TOHA
(BAHAGIAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN)

EPISOD 3



**TAJUK: TMP SKM DAH MOHON,
KENAPA SUSAH NAK LULUS?**

TETAMU JEMPATAN:
PUAN ROSHIDAH BINTI ABU BAKAR
(PENGARAH BPKK)

EPISOD 4



**TAJUK: DARI KOPERASI KAMPUNG KE INSTITUSI
DENGAN ASET RM7.7 BILLION!!**

TETAMU JEMPATAN:
DATUK BAHAROM BIN EMBI
(PENGURUSI CBP)

EPISOD 5



**TAJUK: KPFB DARI KOPERASI TOP 100
KEPADA KOPERASI PREMIER**

TETAMU JEMPATAN:
DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN (PENGURUSI KOPERASI)
ENCIK SHAHRAN BIN YUNUS (KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF)
KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD

EPISOD 6



TAJUK: TEMUBUAL KHAS BERSAMA PENERUSI SKM

TETAMU JEMPATAN:
YBHG. LEFTENAN JENERAL DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B)
(PENERUSI SKM)



www.skm.gov.my



[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKoperasiMalaysia)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.instagram.com/SuruhanjayaKoperasi)



[SuruhanjayaKoperasi](https://www.tiktok.com/@SuruhanjayaKoperasi)